

KL tidak boleh berkembang secara sporadik

PTKL 2040 BANDAR RAYA MASA DEPAN

AZLAN ZAMBRY

PELAN Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL 2040) bukan sekadar dokumen perancangan fizikal, tetapi manifestasi kepada sebuah kota masa depan yang berpaksikan nilai, menyantuni rakyat dan memacu pembangunan yang inklusif, mampan serta berteraskan keadilan sosial.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa** berkata PTKL 2040 merupakan usaha penting untuk menstruktur semula wajah Kuala Lumpur agar tidak terus berkembang secara sporadik dan tidak terkawal, sebaliknya dirancang dan berakar pada budaya serta nilai masyarakat Malaysia.

"Kuala Lumpur adalah lambang aspirasi negara dan cerminan wajah Malaysia. Kita tidak boleh membiarkan kota ini berkembang tanpa kerangka yang tersusun. PTKL 2040 adalah langkah penting menyusun kembali ekologi kehidupan bandar raya ini dengan pendekatan lebih manusiawi dan seimbang," katanya ketika menyampaikan ucapan pelancaran rasmi PTKL 2040 yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Institut Latihan DBKL (IDB) pada Selasa.

Hadir sama, Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming; Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar; Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Noridah Abdul Rahim dan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Menurut beliau, populasi Kuala Lumpur dijangka mencecah 2.54 juta menjelang 2040, dan perkembangan pesat ini memerlukan pendekatan sistematik yang melangkaui warisan dan logik lama selain PTKL 2040

Selasa

stitut Latihan DBKL



ZALIHA (kiri) bersama Anwar, Wan Azizah dan Kor Ming ketika pelancaran PTKL 2040.

dirangka untuk mendefinisikan semula pembangunan melalui pendekatan *urban rebalancing* memastikan rakyat bukan lagi objek pembangunan, tetapi menjadi subjek yang membentuk wajah kota.

"Kita perlu bergerak daripada sebuah kota yang reaktif kepada kota yang *resilient*, daripada ruang eksklusif kepada ruang inklusif. Matlamat akhirnya ialah untuk menjadikan Kuala Lumpur sebuah *baldatun tayyibah wa rabbun ghafur* – kota yang baik dari sudut fizikal, nilai dan mendapat keberkatan Tuhan Yang Maha Pengampun," jelas Zaliha.

Menurut Zaliha PTKL 2040 turut mencerminkan semangat penglibatan musyawarah (*deliberative participation*) apabila lebih 28,000 maklum balas diterima daripada pelbagai pihak sepanjang proses penyediaan pelan.

"Bukan mudah untuk mencari titik persamaan, tetapi suara ahli Parlimen, komuniti, pemaju, NGO, agensi kerajaan dan pakar profesional telah diangkat sebagai

input penting dalam membentuk tata ruang Kuala Lumpur yang lebih adil dan seimbang," katanya.

Pelan ini juga membawa cabaran besar untuk memastikan tiada komuniti yang terpinggir dan tiada kawasan yang terbiar dalam arus kemajuan, sambil memastikan semua lapisan masyarakat mendapat akses kepada kualiti hidup yang lebih baik.

"Arahan jelas Perdana Menteri adalah untuk menyusun semula bandar ini supaya rakyat tidak terus terperangkap dalam tekanan kos dan ruang. Kita tidak mahu pembangunan yang bersifat elitis, sebaliknya bersifat manusiawi, menyantuni semua," tegasnya.

PTKL 2040 turut sejajar dengan visi pembangunan Wilayah Persekutuan menerusi kerangka Bandar C.H.A.S.E – bersih (*clean*), sihat (*healthy*), terkehadapan (*advanced*), selamat (*safe*), dan mesra alam (*ecological*). Lima dimensi ini menjadi kompas kepada setiap pelaksanaan projek di Wilayah Persekutuan.